

**PANDUAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN  
BAGI CALON PEPERIKSAAN BAHASA MALAYSIA/  
BAHASA MELAYU KHAS**



**Disediakan oleh Sektor Penilaian Kompetensi  
Bahagian Perkhidmatan  
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia  
Aras 4, Blok 1,  
Menara Seri Wilayah, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62100 W.P Putrajaya  
MALAYSIA**

**PANDUAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN  
BAGI CALON PEPERIKSAAN BAHASA MALAYSIA/BAHASA MELAYU KHAS**

**1. Pengenalan:**

Peperiksaan Perkhidmatan Bahasa Malaysia/ Bahasa Melayu Khas ialah peperiksaan subjek Bahasa Malaysia untuk menguji kebolehan calon dalam memahami, menguasai dan menggunakan Bahasa Malaysia dalam pelaksanaan tugas. Peperiksaan ini khusus bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional yang disyaratkan dalam syarat skim perkhidmatannya “lulus” Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia.

**2. Tujuan Peperiksaan:**

Menggantikan syarat lulus Bahasa Malaysia di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia untuk tujuan pelantikan tetap atau pengesahan dalam perkhidmatan.

**3. Komponen Peperiksaan:**

**Bahagian I (6001A) : Ujian Lisan (Kefahaman Karangan dan Pertuturan).**

**Panduan Calon:**

**A. Kefahaman Karangan**

Calon diberi masa **10** minit untuk membaca **1** petikan karangan (lebih kurang 200 perkataan) berkaitan hal ehwal semasa. Calon kemudiannya dipanggil masuk ke bilik pemeriksa dan dikehendaki menjawab **5** soalan secara lisan berdasarkan petikan yang dibaca.

**B. Pertuturan**

Calon juga diuji oleh pemeriksa berkaitan kebolehan bertutur dalam Malaysia, penggunaan tatabahasa yang betul dan kefahaman terhadap soalan yang dikemukakan. Ujian pertuturan adalah antara **10-15** minit bagi setiap calon.

Calon **tidak** dibenarkan merujuk kepada bahan rujukan yang berkaitan semasa peperiksaan.

**Masa : 20** hingga **30** minit.

<b>Bahagian II (6001B) :Ujian Bertulis.</b>
---

**Panduan Calon:**

Bahagian ini mengandungi **60** soalan iaitu **40** soalan aneka pilihan (objektif) dan **20** soalan separa objektif berkaitan aspek bahasa seperti ejaan, kosa kata, istilah dan pembentukan ayat mudah.

**Bilangan Soalan:** Calon dikehendaki menjawab kesemua **60** soalan.  
**yang perlu** Calon **tidak** dibenarkan merujuk kepada bahan rujukan yang  
**dijawab** berkaitan semasa peperiksaan.

**Masa :** 1 jam **30** minit.

**Bahan Rujukan:**

- i. *Tatabahasa Dewan edisi ketiga*, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur;
- ii. *Tatabahasa Pedagogi untuk Sekolah Menengah*, PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd;
- iii. *Kamus Dewan*, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur;
- iv. *Kamus Istilah*, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur;
- v. *Simpulan bahasa dan peribahasa Melayu*;
- vi. *Daftar Ejaan Rumi Bahasa Malaysia*, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur;
- vii. *Penggunaan Sendi Nama Dalam Bahasa Melayu*, 1989, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur;
- viii. *Bahasa Malaysia* Tingkatan 3, 4 dan 5, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur;
- ix. *Koleksi Pedoman Bahasa*, terbitan berkala Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur;
- x. *Lembar Bahasa*, terbitan Berkala Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur; dan
- xi. Laman web <http://www.dbp.gov.my/lamandbp/main.php>.

**4. Keputusan:**

- i. Lulus / Kandas.(Pengeluaran keputusan adalah dalam tempoh 3 bulan dari tarikh peperiksaan).
- ii. Semakan keputusan peperiksaan adalah secara atas talian melalui laman sesawang kompetensi ([www.kompetensi.jpa.gov.my/peperiksaan](http://www.kompetensi.jpa.gov.my/peperiksaan));
- iii. Keputusan hendaklah dimaklumkan kepada Ketua Jabatan untuk direkodkan dalam buku perkhidmatan pegawai; dan
- iv. Keputusan seseorang pegawai adalah **TERBATAL** secara automatik sekiranya didapati pegawai tidak layak menduduki peperiksaan tersebut.

**5. Pengecualian:**

Calon yang lulus mana-mana Bahagian dikecualikan daripada mengambil semula Bahagian tersebut. (Calon perlu mengemukakan permohonan pengecualian peperiksaan kepada urus setia peperiksaan Jabatan Perkhidmatan Awam melalui Ketua Jabatan masing-masing).

**6. Bahasa (Soalan dan Jawapan):** Bahasa Malaysia.

**7. Kaedah Permohonan:**

Secara atas talian melalui laman sesawang berikut:

[www.kompetensi.jpa.gov.my/peperiksaan](http://www.kompetensi.jpa.gov.my/peperiksaan)

**8. Tarikh Tutup Permohonan:** 1½ bulan sebelum tarikh peperiksaan.

**9. Pusat Peperiksaan:**

- i. Ditetapkan oleh urus setia Peperiksaan, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia;
- ii. Pertukaran pusat peperiksaan adalah **TIDAK DIBENARKAN** kecuali mendapat kebenaran bertulis daripada urus setia peperiksaan di Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam;
- iii. Sebarang pertukaran pusat hanya dibenarkan atas sebab-sebab berikut :
  - a. Pertukaran tempat bertugas (Surat Arahan Pertukaran hendaklah disertakan); dan
  - b. Masalah kesihatan (Surat Laporan Kesihatan daripada Pegawai Perubatan hendaklah disertakan).

**10. Kekerapan Peperiksaan:**

2 kali setahun. (Rujuk jadual peperiksaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia).

**11. Tanggungjawab calon semasa menduduki peperiksaan :**

Calon hendaklah mematuhi peraturan seperti yang ditetapkan dalam **Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil.13 Tahun 1982 – Peraturan Tatatertib dalam Peperiksaan Perkhidmatan** antaranya:

- i. Calon perlu **mencetak dan membawa SLIP ARAHAN CALON, KAD PENGENALAN dan ALAT TULIS**;
- ii. Calon wajib berpakaian pejabat dan kemas;
- iii. Bahan rujukan yang berkaitan dibenarkan untuk dibawa masuk ke dalam dewan peperiksaan kecuali nota tangan dan nota slaid; dan
- iv. Sekiranya calon tidak mengikut peraturan, Ketua Pengawas boleh menghalang calon daripada menduduki peperiksaan.